

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]
TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyenaraikan cukai yang dikutip mengikut tahun dan kategori industri di bawah *Windfall Profit Levy Act* 1998 dari tahun 1999 hingga 2020 dan sama ada Kerajaan berhasrat memansuhkan akta ini atau meluaskan ruang lingkup akta ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *windfall profit levy* atau levi keuntungan luar biasa pada masa ini hanya dikenakan ke atas komoditi buah kelapa sawit berdasarkan paras ambang harga pasaran minyak sawit mentah (atau CPO) secara bulanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Levi hanya dikenakan ke atas keuntungan yang melebihi paras ambang harga CPO.

Bagi Semenanjung, levi dikenakan pada kadar 3% sekiranya harga CPO melebihi paras ambang 2,500 ringgit se tan, manakala bagi Sabah dan Sarawak, levi pada kadar 1.5% dikenakan apabila harga CPO melebihi paras ambang 3,000 ringgit se tan.

NO SOALAN : 54

Sepanjang tempoh tahun 1999 sehingga 2020, Kerajaan telah mengutip hasil levi keuntungan luar biasa berjumlah 2,921 juta ringgit. Dalam tempoh tersebut, levi tidak dikutip pada tahun-tahun di mana harga CPO tidak melebihi paras ambang yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan juga tidak bercadang untuk memansuhkan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998.

Sekian, terima kasih.